

2,016 penduduk dipindahkan

Banjir paksa penduduk beberapa kampung 'berumah' di pusat penempatan

ALOR SETAR - Seramai 2,016 penduduk daripada 483 keluarga di beberapa daerah di Kedah dipindahkan ke pusat penempatan banjir apabila rumah mereka dinaiki air akibat hujan berterusan sejak kelmarin.

Daripada jumlah itu, 1,449 penduduk daripada 359 keluarga dari daerah Padang Terap, manakala 491 keluarga dari Kubang Pasu dan 70 penduduk daripada 23 keluarga di Kota Setar.

Penghulu Mukim Tualak, Padang Terap, Sharizan Shaari berkata, 28 kampung di daerah itu dilanda banjir dan mangsa dipindahkan bermula 7 pagi semalam.

Antara kampung terlibat Mani A, Mani B, Mani C, Tanjung, Labi, Kuala Janing, Felcra Tualak, Bendang Raja serta Padang Sanai.

Sebanyak 28 pusat pemindahan dibuka, anta-

ranya di dewan kampung Mani A, surau kampung Mani B dan Mani C, dewan Felcra Tualak, dewan Kampung Padang Sanai, bangunan Jawatankuasa Keselamatan

Kampung Persekutuan (JKKKP), masjid Kampung Labi, masjid Kampung Tanjung serta masjid Bendang Raja.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Daerah Kubang Pasu, Fadzlin Long, berkata 342 daripada 65 keluarga ditempatkan di Dewan Changkat Setoi, Changlun.

Seramai 133 lagi daripada 30 keluarga dari Kampung Belukar dan Kampung Darat, Changlun ditempatkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Changlun, manakala seramai 16 orang daripada enam keluarga di Sekolah Kebangsaan Malau.

Menurutnya, jumlah berkenaan dicatat sehingga jam 6 petang, semalam, dan



● **Jamaliah Nayan, 72, mengangkat beras yang terendam dalam banjir di rumahnya di Kampung Lahar, Malau, Kedah, semalam.**

dijangka meningkat.

Di Kota Setar, Ketua Kampung Taman Indah, Shuib Mahmud berkata, di kawasan Anak Bukit, di sini, dua pusat penempatan mangsa banjir dibuka iaitu di Sekolah Kebangsaan Gunung dan Sekolah Kebangsaan Titi Gajah.

Katanya, sehingga jam 6

petang, semalam, seramai 16 mangsa daripada lapan keluarga ditempatkan di SK Gunung manakala 60 mangsa daripada 15 keluarga dipindahkan ke SK Titi Gajah.

Kebanyakan mangsa yang dipindahkan adalah dari kampung Lorong Pam Air dan Alor Perang, Anak Bukit, di sini.

Di Pokok Sena, dua jalan utama yang menghubungkan daerah itu dengan Kuala Nerang dan Bukit Pinang dinaiki air dan telah ditutup kepada kenderaan ringan, namun tiada penduduk dipindahkan setakat ini.

Di Perlis pula, jumlah mangsa banjir yang dipindahkan meningkat dan sehingga petang semalam, seramai 1,096 mangsa dipindahkan ke sembilan pusat pemindahan, menurut jurucakap Bilik Gerakan Banjir Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perlis.

Kebanyakan mangsa ditempatkan di Sekolah Menengah Datuk Jaafar Hassan iaitu seramai 386 orang, Sekolah Kebangsaan Batu Bertangkup (383), Sekolah Kebangsaan Titi Tinggi (112), Maktab Rendah Sains Mara Baseri (69) dan Dewan Sivik Arau (60).



● **ABU BAKAR**

Hujan berterusan sehingga 7 November

KOTA BHARU - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan mulai membuka empat bilik gerakan banjir di Tanah Merah, Kuala Krai, Tumpat dan Pasir Mas serta Bilik Gerakan Negeri, berikutan musim tengkujuh mula melanda negeri itu.

Pengaruhnya, Abu Bakar Mohd Yusof berkata, bilik gerakan di beberapa daerah itu mulai beroperasi jam 8 pagi semalam. Hujan melanda sejak Sabtu lalu dan dijangka berterusan sehingga 7 November ini.

"Hujan setakat ini baru turun 54 peratus, iaitu 1,440 milimeter daripada jumlah purata setahun sebanyak 2,700 milimeter. Dijangka kemungkinan banjir besar berlaku, namun tahapnya tidak dapat dipastikan.

"Terdapat 1,240 milimeter lagi baki hujan iaitu 46 peratus yang belum turun dalam tempoh dua bulan ini. Apa yang dibimbangkan, baki hujan ini akan turun dalam jumlah banyak pada masa singkat, lalu menyebabkan banjir," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Persiapan Banjir 2010, di sini, semalam.

Menurutnya, setakat ini paras air di beberapa sungai utama melebihi paras bahaya; misalnya Sungai Golok di Jenob mencatatkan bacaan 23.79 meter berbanding paras bahaya 23.50 meter dan Rantau Panjang mencatatkan 9.39 meter berbanding paras bahaya 9 meter.

Katanya, berdasarkan senario itu, kawasan-kawasan berhampiran Sungai Golok, Kampung Kerdap hingga Rantau Panjang dan sekitarnya mungkin banjir.

Banjir pusingan pertama

KUALA TERENGGANU - Terengganu dilanda banjir pusingan pertama apabila 85 penduduk di Besut mula berpindah di tiga pusat pemindahan setelah rumah mereka dinaiki air berikutan hujan dua hari.

Penduduk melibatkan 21 keluarga itu diarahkan berpindah oleh pihak berkuasa ke Balai Raya Kampung Renek, Jabi, Sekolah Kebangsaan (SK) Anak Ikan dan Surau Kampung Bunga, Kuala Besut kira-kira jam 8 malam, kelmarin.

Daripada jumlah tersebut, 10 keluarga melibatkan 41 orang ditempatkan di SK Anak Ikan, tujuh keluarga membabitkan 36 orang di Balai Raya Kampung Renek dan lebihnya pula di Surau Kampung Bunga.

Bagaimanapun, dua pusat pemindahan tersebut iaitu Balai Raya Renek dan SK Anak Ikan telah pun ditu-

tup apabila semua mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing secara berperingkat jam 9 pagi, semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Negeri ketika dihubungi *Sinar Harian* memberitahu, empat keluarga masih lagi berada di Surau Kampung Bunga kerana bimbang dengan ancaman ombak kuat di kawasan rumah mereka.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mazlan Ngah pula berkata, mangsa banjir itu terpaksa berpindah ke pusat pemindahan setelah rumah mereka ditakungi air hujan berikutan kedudukannya di kawasan tanah rendah.

"Ia disebabkan air hujan bertakung. Paras air sungai di seluruh negeri masih pada tahap berjaga-jaga," katanya selepas merasmikan Pame-



● **Siti Zaleha (dua, kiri) bersama guru meninjau kawasan sekolah yang dinaiki air.**

ran Haiwan Berbisa di Kompleks Muzium Negeri, di sini semalam.

Menurutnya, walaupun paras sungai di seluruh negeri belum mencapai tahap amaran bahaya, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah pun membuka bilik operasi banjir sebagai persediaan menghadapi

musim tengkujuh.

Beliau berkata, tindakan itu juga seiring dengan amaran dikeluarkan Jabatan Meteorologi yang menjangkakan Terengganu akan menerima hujan lebih 40 peratus berbanding tahun lepas dengan keadaan hujan lebat diselangi petir.

JKM sedia hadapi tengkujuh dijangka berlaku hujung tahun ini

SEREMBAN - Bagi mengatasi masalah banjir yang dijangka berlaku di Pantai Timur pada musim tengkujuh ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sudah bersiap sedia menghadapi situasi itu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Senator Datuk Seri

Shahrizat Abdul Jalil berkata, pihaknya juga menjangkakan musim banjir berlaku pada penghujung tahun ini.

"JKM membuat persediaan awal supaya situasi ini dapat ditangani dengan lebih cepat dan sempurna.

"Persiapan untuk semua negeri yang berisiko menghadapi banjir juga telah di-

kemas kini, membabitkan pusat perpindahan, makanan dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Sijil dan Anugerah kepada Peserta Program Literasi Kewangan Maybank-MoneyTree di Kolej Tunku Kurshiah, di sini,

semalam.

Hadir sama, Timbalan Presiden Perkhidmatan Komuniti Kewangan Maybank, Chong Wai Hong dan Pengerusi MoneyTree Malaysia Sdn Bhd, Datuk Nik Kamaruddin Ismail.

Dalam pada itu juga, Shahrizat berkata, masih banyak lagi pusat jajaan

kanak-kanak di negara ini yang belum berdaftar.

Menurutnya, beberapa pelan perancangan telah dilakukan bagi mengatasi masalah itu, antaranya pegawai JKJ akan memberi bantuan kepada mana-mana pengusaha pusat jajaan yang mempunyai masalah untuk berdaftar.